

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD. SALIM SHARIF (JEMPOL)**

**SOALAN NO. 281**

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan statistik terkini jumlah Angkatan Tentera Malaysia (ATM) berdasarkan kaum di seluruh negara dan langkah-langkah yang telah dilaksanakan bagi meningkatkan penglibatan belia bukan Bumiputera untuk menyertai ATM.

**JAWAPAN**

Statistik keanggotaan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) adalah merupakan satu maklumat strategik pertahanan. Namun begitu dari segi peratusan keanggotaan ATM mengikut kaum, sebanyak 85.81% adalah kaum Melayu. Penyertaan kaum Bumiputera Sarawak dan Sabah masing-masing adalah sebanyak 7.59% dan 4.31%. Penyertaan dari kaum India adalah sebanyak 1.41%, Cina 0.45% dan lain-lain kaum termasuk Orang Asli sebanyak 0.43%.

ATM sentiasa berusaha melaksanakan pelbagai inisiatif di pelbagai peringkat bagi menarik minat kaum bukan Bumiputera terutamanya belia kaum Cina dan India untuk menyertai ATM. Antara inisiatif-inisiatif yang diambil untuk menggalakkan para belia daripada kaum ini untuk masuk berkhidmat dalam ATM adalah seperti berikut:

1. Pameran Kerjaya ATM;
2. Promosi melalui Media Sosial;
3. Pengiklanan dan Promosi melalui Media Cetak;
4. Promosi Khas;

5. Pemilihan Lokasi Pengambilan;
6. Menyediakan Pusat Khidmat Angkatan Tentera Malaysia; dan
7. Kerjasama dengan *Non Government Organization* (NGO).

Justeru, Kementerian Pertahanan mempelawa agar ahli-ahli Dewan Rakyat untuk bersama-sama kami memainkan peranan bagi mempromosikan ATM kepada generasi belia setempat untuk memilih profesion ketenteraan sebagai kerjaya mereka.